

NO. SOALAN: 336

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

RUJUKAN : 10120

SOALAN :

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah senarai rumah anak yatim dan kebajikan yang telah disenarai hitamkan oleh Kementerian kerana dipergunakan oleh sindiket sebagai medium mengutip derma daripada orang ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kutipan Rumah ke Rumah dan Jalanan 1947 [Akta 200], aktiviti kutipan derma oleh mana-mana pertubuhan termasuklah rumah kebajikan dan rumah anak yatim mestilah memiliki permit yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kegagalan untuk mematuhi peruntukan ini boleh mengakibatkan seseorang individu dikenakan denda atau tindakan pemenjaraan atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 3(2) dan 3(3), Akta 200.

Berhubung dengan tindakan terhadap pertubuhan yang menjalankan aktiviti tersebut pula, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) tidak mempunyai halangan bagi pertubuhan yang berdaftar untuk mengemukakan permohonan permit kutipan derma kepada PDRM. Sekiranya pertubuhan telah mendapat permit kutipan derma tersebut, pertubuhan boleh membuat kutipan sehingga mana tarikh atau tempoh yang dikeluarkan.

Namun, memandangkan fungsi mengawal selia rumah kebajikan atau rumah anak yatim serta aktiviti kutipan derma tidak terletak secara langsung di bawah bidang kuasa JPPM, justeru JPPM tidak merekodkan senarai hitam rumah kebajikan dan rumah anak yatim yang disebabkan oleh penglibatan mereka dengan sindiket kutipan derma.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 337

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada setiap pemandu akan diwajibkan untuk memasang kamera 'dashboard' dalam kereta masing-masing sebagai suatu langkah bagi membantu dalam kerja-kerja siasatan yang turut dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pada ketika ini, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk mewajibkan pemasangan kamera *dashboard* di dalam kenderaan memandangkan terdapat beberapa perkara penting yang masih perlu diperhalusi, antaranya :-

- i. ketiadaan piawaian / standard di peringkat antarabangsa mahupun tempatan khusus bagi menetapkan spesifikasi pemasangan kamera *dashboard* di dalam kenderaan; dan
- ii. cadangan ini tiada dinyatakan di bawah Pelan Pelaksanaan Peraturan United Nations sedia ada oleh pihak JPJ.

Namun begitu, pihak Kementerian amat menggalakkan penggunaan kamera *dashboard* tersebut di dalam kenderaan secara sukarela selagi mana pemasangannya adalah selamat dan tidak menjejaskan pemanduan kenderaan tersebut. Ini kerana, penggunaan kamera tersebut masih boleh digunakan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan dalam menjalankan siasatan sesuatu kes kemalangan jalan raya serta jenayah yang lain.